

Bahasa
Melayu
Kertas 1
2 ¼ jam
Sept.
2010



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2010**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

[Lihat sebelah

Bahagian A


Masa dicadangkan: 45 minit

(30 markah)

Lihat rajah di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan menggunakan pengangkutan awam.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit

100 markah

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Penghayatan nilai-nilai murni dapat melahirkan pelajar yang bersahsiah mulia serta berketerampilan.
Sebagai seorang pelajar, jelaskan usaha-usaha yang boleh anda lakukan bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anda.
2. Belakangan ini, kes kehilangan anak-anak semakin membimbangkan pelbagai pihak. Tanggungjawab keluarga amat penting bagi mengurangkan gejala ini.
Tuliskan sebuah rencana tentang langkah-langkah institusi keluarga dalam menjamin keselamatan anak-anak mereka.
3. Masyarakat hari ini lebih cenderung menggunakan bahan sumber asli yang berdasarkan herba atau tumbuh-tumbuhan semula jadi.
Huraikan kebaikan-kebaikan penggunaan herba dalam kehidupan masyarakat masa kini.
4. Semangat tolak ansur antara negara banyak membantu dalam kemajuan ekonomi dan kestabilan politik dunia.
Berikan komen anda tentang pernyataan tersebut.
5. Anda telah menyertai Bengkel Penulisan Kreatif anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Nyatakan faedah-faedah yang anda peroleh sepanjang menyertai bengkel tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

1103/1

SULIT**1103/2**

Bahasa
Melayu
Kertas 2
2 ½ jam
Sept.
2010



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2010**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat sebelah

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha menangani kenaikan harga barang dan kesan-kesan kenaikan harga barang kepada pengguna. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Setiap kali berlaku kenaikan harga barang, pelbagai alasan dikemukakan oleh para peniaga bagi mewajarkan kenaikan tersebut termasuk peningkatan kos pengangkutan. Walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran keras supaya peniaga tidak menaikkan harga barang, tetapi perkara tersebut tetap berlaku. Mahu tidak mahu, pengguna yang terpaksa memikul segala beban kenaikan ini. Oleh itu, kerajaan mestilah ada mekanisme bagi membendung kenaikan harga barang, di samping pengguna sendiri perlu *menggunakan kebijaksanaan dan kuasa beli* mereka untuk menangani permasalahan ini.

Pihak kerajaan sentiasa cakna terhadap kebijakan dan masalah yang dihadapi oleh para pengguna. Sehubungan dengan itu, KPDNHEP akan melaksanakan Program Pengguna Bijak (PPB) di 191 kawasan Parlimen seluruh negara. Penubuhan PPB sebagai menyahut desakan orang ramai yang gelisah terhadap kenaikan harga barang keperluan yang melampau di pasaran. Gesaan mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi supaya para pengguna mengawal dan mengubah tabiat berbelanja. Berbelanja berdasarkan keperluan, bukan mengikut perasaan. Mantan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie Apdal pula menyatakan bahawa langkah memboikot peniaga yang menaikkan harga barang boleh dilakukan jika tindakan itu dapat memaksa golongan tersebut menurunkan harga barang. Mereka boleh bertindak dalam kumpulan yang besar untuk mempengaruhi pasaran selain mendisiplinkan peniaga. Pengguna juga boleh melakukan pemantauan sendiri harga barang dan digalakkan memilih premis yang menjual dengan harga berpatutan.

Sebenarnya harga barang di pasaran bukan hanya ditentukan oleh peniaga semata-mata. Banyak faktor lain yang mendorong penentuan harga sesuatu barang, termasuk permintaan yang tinggi, bekalan berkurangan, dan persaingan antara peniaga. Memang kebanyakan pengguna sedar mereka mempunyai hak, dan kuasa sebagai pengguna, serta mampu menunjukkan kuasa jika mereka mahu. Kini, sudah sampai masanya pengguna lebih serius mengamalkan perbelanjaan berhemah. Dengan berbuat demikian, mereka dapat menghadapi cabaran dan masalah kewangan dengan lebih baik. Pengguna juga perlu mendisiplinkan diri dengan pengurusan kewangan yang bijak. Sehubungan dengan itu, pengguna perlu mendapatkan maklumat dan membuat perbandingan dari segi kualiti sebelum membuat penentuan untuk membeli barang. Sikap peniaga yang tidak beretika perlu diberi pengajaran. Peniaga yang berkeras tidak mahu menurunkan harga barang keperluan pengguna dianggap sebagai menyusahkan rakyat.

Secara tuntas, peniaga dan pengguna saling memerlukan. Masing-masing ada hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Namun, tekanan kenaikan barang secara berterusan yang dihadapi kini sememangnya sesuatu yang memeritkan terutamanya para pengguna di negara kita.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada “Strategi mewujudkan celik pengguna”,
oleh Hj. Samat Buang, *Fokus SPM*, Mac 2007)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata menggunakan kebijaksanaan dan kuasa beli.
[2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa punca yang menentukan harga sesuatu barang di pasaran.
Nyatakan punca-punca tersebut.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri pengguna yang bijak?
[4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kau harapan keluargamu. Tidak inginkah kau membantu keluargamu dan kaummu?”

“Bapa tidak menghalang kehendak saya. Ibu cakap, saya boleh buat apa yang saya suka asalkan tidak menganiaya orang lain.”

“Betul cakap orang tuamu itu. Tetapi sebagai anak, kau wajar membela mereka. Jika ada pelajaran, boleh dapat pekerjaan yang lebih besar. Mungkin dapat jadi pegawai, ahli perniagaan..macam anak penghulu. Adik-adikmu itu dapat disekolahkan. Engkaulah bunga bangsa belantara ini,” suara Jo sambil menatap wajah Daneng yang sugul.

Daneng memperbaik kailnya sambil melihat ke dalam tin yang berisi dua ekor ikan haruan perang yang besar. Anak matanya yang keperangan memancar dalam genangan air mata.

“Daneng, cikgu meminta maaf jika menyinggung perasaanmu. Cikgu perlu berterus terang. Daneng perlu meneruskan pelajaran sampai SPM, sampai menara gading. Kau bijak, Daneng. Gunakanlah kebijaksanaanmu itu, mungkin membantu kaummu. Setakat ini, cuma ada lebih 50 hingga 60 orang sahaja, mahasiswa kaummu di universiti.”

Daneng merenung jauh ke tengah danau biru.

(Dipetik daripada cerpen *Lambaian Malar Hijau* oleh Saroja Theavy a/p Balakrishnan dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Cikgu Jo bersungguh-sungguh memujuk Daneng supaya meneruskan pelajarannya?

[3 markah]

- (ii) Jika anda seorang guru, nyatakan usaha-usaha yang dapat anda lakukan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat di pedalaman tentang kepentingan pendidikan.

[3 markah]

- (iii) Jelaskan **satu** nilai berdasarkan petikan di atas dan **dua** nilai lain daripada keseluruhan cerpen ini.

[3 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah Hang Jebat mendengar kata Laksamana demikian, maka ia pun hairan, seraya berkata, “Hai orang kaya Laksamana, keranamulah maka aku berbuat pekerjaan ini! Pada bicaraku, *engkau tiada dalam dunia ini lagi*. Jika aku tahu akan engkau ada hidup, demi Allah dan Rasul-Nya, tiada aku berbuat pekerjaan ini.” Maka kata Laksamana, “Hai Si Jebat, menyesalkah engkau?” Maka kata Hang Jebat, “Hai Laksamana, sekali-kali tiada aku menyesal dan takut akan mati, tetapi aku sudah tahu akan kematianku ini pada tanganmu, di mana dapat kusalahi lagi? Tetapi tuan hamba lihatlah tikam Si Jebat derhaka ini, empat puluh hari orang Melaka membuangkan bangkai dalam negeri Melaka ini dan tiada menderita bau busuk bangkai. Sepala-pala jahat jangan kepalang; kuperbuat sungguh-sungguh.” Maka sahut Laksamana, “Hai Si Jebat derhaka, tersalah citamu itu! Adapun pekerjaanmu derhaka pada tuanmu itu beberapa dosanya kepada Allah, tiada tertanggung olehmu di dalam akhirat jemah, akan sekarang engkau hendak membunuh orang yang tiada berdosa pula berpuluhan ribu itu; benarkah bicaramu itu?” Maka kata Hang Jebat, “Apakah dayaku? Sekalian itu dengan kehendaknya juga; tiada dengan kuasaku perbuat itu, supaya namaku masyhur pada segala negeri.”

(Dipetik daripada ‘Pertarungan Tuah dengan Jebat’ dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *engkau tiada dalam dunia ini lagi*.
[2 markah]
- (ii) Apakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Hang Jebat bersikap angkuh?
[3 markah]
- (iii) Sultan merupakan seorang ketua negara dalam sesebuah kerajaan yang disanjungi oleh rakyat.
Pada pendapat anda, mengapakah rakyat dilarang menderhaka kepada raja?
[3 markah]

Soalan 2(d) – Petikan Puisi

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SELOKA PAK KADUK

Aduhai malang Pak Kaduk
 Ayamnya menang kampung tergadai
 Ada nasi dicurahkan
 Awak pulang kebuluran
Mudik menongkah surut
 Hilir menongkah pasang
 Ada isteri dibunuhan
 Nyaris mati oleh tak makan
 Masa belayar kematian angin
 Sauh dilabuh bayu berpuput
 Ada rumah bertandang duduk

(Dipetik daripada dalam antologi *Anak Laut*,
 Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mudik menongkah surut*.
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimakah cara untuk mengubah nasib malang yang dialami oleh seseorang?
[4 markah]
- (iii) Berikan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam petikan seloka di atas.
[3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- | | | | |
|-------|-------------|---|--------------|
| (i) | berhemah | - | berhemat |
| (ii) | mengelakkan | - | menggelakkan |
| (iii) | tergamam | - | tergamak |

[6 markah]

- (b) Tukar ayat bersusunan biasa di bawah kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

- | | |
|-------|--|
| (i) | Beliau sering dijemput menyampaikan ceramah dalam beberapa seminar antarabangsa. |
| (ii) | Pelajar yang bijak itu menelaah pelajarannya hingga larut malam. |
| (iii) | Sepuluh buah rumah di kampung itu ditenggelami banjir kilat. |

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- | | |
|-------|---|
| (i) | Pengerusi PIBG menggesa supaya ibubapa hadir ke majlis hari kecemerlangan yang akan diadakan pada bulan Mei. |
| (ii) | Kehebatan pasukan bola sepak skuad Harimau Muda Malaysia yang selalu diwar-warkan oleh media telah dibuktikan apabila mereka berjaya menjadi sukan SEA. |
| (iii) | Pelbagai usaha harus dilipat gandakan untuk menanggalkan jenayah ragut yang kian meningkat di negara kita. |

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Di antara pelajar perempuan di dalam bilik itu, Ainilah yang paling pandai.
- (ii) Masalah tersebut harus dikemukakan oleh kamu dalam perbualan itu.
- (iii) Hadi membeli lima butir telur di bangsal Pak Redzuan pada pagi itu.

[6 markah]

(e) *Tulis ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*

- (i) Lintah darat
- (ii) Ayam tambatan
- (iii) Seperti kaca terhempas ke batu.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel*[15 markah]*

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
 - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
 - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
 - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
 - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menunjukkan konflik yang dihadapi oleh mana-mana satu watak sampingan.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, bandingkan persoalan kerjasama setiap novel.

*[8 markah]***KERTAS SOALAN TAMAT**

**Bahasa
Melayu
Kertas 1
Peraturan
Pemarkahan
2010**



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2010**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Malaysia (Cawangan Melaka)**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 6 halaman bercetak

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHAGIAN A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan [30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 - 30 (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan menepati tema bahan rangsangan. ▪ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ▪ Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. ▪ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan menepati tema bahan rangsangan. ▪ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. ▪ Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. ▪ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. ▪ Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. ▪ Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. ▪ Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
Kurang memuaskan	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. ▪ Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru, tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. ▪ Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. ▪ Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraianya kurang jelas.
Pencapaian minimum	01 – 09 (06- 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. ▪ Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. ▪ Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

BAHAGIAN B**PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dilakukan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - (a) Kurang daripada 350 patah perkataan, periksa seperti biasa
 - (b) Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.

Tiada tajuk tolak 1 markah
Tiada nama penulis tolak 1 markah
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	<p style="text-align: center;">80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. ▪ Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. ▪ Ejaan dan tanda baca betul. ▪ Laras bahasa sesuai dengan tugasan. ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ▪ Idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. ▪ Pengolahan menarik dan berkesan. ▪ Wacana yang lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. ▪ Format menepati kehendak tugasan. ▪ Penggunaan unsur bahasa bervariasi. ▪ Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
KEPUJIAN	<p style="text-align: center;">66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. ▪ Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ▪ Ejaan dan tanda baca betul. ▪ Laras bahasa sesuai dengan tugasan. ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ▪ Idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. ▪ Pengolahan menarik dan berkesan. ▪ Wacana yang lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. ▪ Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. ▪ Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	<p style="text-align: center;">51 – 65 (58 -65) (51 -57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. ▪ Penggunaan ayat majmuk gabungan gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ▪ Ejaan dan tanda baca masih betul. ▪ Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. ▪ Penggunaan kosa kata umum ▪ Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh-contoh yang dikemukakan masih sesuai ATAU ▪ Isi bercampur aduk, huraian kurang jelas, tidak seimbang dan contoh-contoh yang dikemukakan masih sesuai. ▪ Pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai. ▪ Wacana masih lengkap ATAU wacana kurang lengkap. ▪ Format menepati kehendak tugasan. ▪ Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi ▪ Gaya bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan pula kurang berkesan.
MEMUASKAN	<p style="text-align: center;">36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. ▪ Ayat kurang gramatis. ▪ Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ▪ Penggunaan kosa kata umum tetapi terhad ▪ Laras bahasa yang digunakan kurang sesuai dengan tugasan. ▪ Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh-contoh kurang sesuai. ▪ Pengolahan kurang menarik. ▪ Wacana masih lengkap ATAU / wacana kurang lengkap. ▪ Format menepati kehendaki tugasan ATAU format bercampur aduk. ▪ Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. ▪ Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	<p>21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan kata terbitan kurang tepat. ▪ Ayat tidak gramatis. ▪ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ▪ Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh-contoh tidak sesuai. ▪ Pengolahan tidak menarik. ▪ Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. ▪ Tidak menguasai unsur bahasa yang bervariasi. ▪ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	<p>01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. ▪ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ▪ Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. ▪ Pengolahan tidak menarik. ▪ Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. ▪ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

SULIT**1103/02**

**Bahasa
Melayu
Kertas 2
Peraturan
Pemarkahan
Sept. 2010**



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2010**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Malaysia (Cawangan Melaka)**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 16 halaman bercetak

Markah penuh: 110 markah**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- | | | |
|-----|--------|--------------------|
| (a) | Isi | - 20 markah |
| (b) | Bahasa | - 10 markah |

- (a) **Isi** [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
Jumlah markah										20

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Pendahuluan	Markah
--------------------	---------------

Petikan membincangkan cara-cara/ langkah-langkah/ kaedah-kaedah /modus operandi untuk menangani kenaikan harga barang.

Isi-isi tersurat [4 hingga 12 markah]

Tindakan menangani kenaikan harga barang:

- | | |
|--|---|
| 1. KPDNHEP akan melaksanakan Program Pengguna Bijak (PPB) di 191 kawasan Parlimen seluruh negara | 2 |
| 2. Para pengguna mengawal dan mengubah tabiat berbelanja. | 2 |
| 3. Pengguna boleh bertindak dalam kumpulan yang besar untuk mempengaruhi pasaran selain mendisiplinkan peniaga. | 2 |
| 4. Langkah memboikot peniaga yang menaikkan harga barang boleh dilakukan | 2 |
| 5. Pengguna juga boleh melakukan pemantauan sendiri harga barang | 2 |
| 6. Digalakkkan memilih premis yang menjual dengan harga berpatutan. | 2 |
| 7. Pengguna lebih serius mengamalkan perbelanjaan berhemah. | 2 |
| 8. Mendisiplinkan diri dengan pengurusan kewangan yang bijak. | 2 |
| 9. Pengguna perlu mendapatkan maklumat dan membuat perbandingan dari segi kualiti (sebelum membuat penentuan untuk membeli barang) | 2 |
| 10. Sikap peniaga yang tidak beretika perlu diberi pengajaran. | 2 |

Isi-isi tersirat [4 hingga 12 markah]

Kesan-kesan kenaikan harga barang kepada pengguna

- | | |
|---|---|
| 1. Pengguna terpaksa membayar lebih untuk mendapatkan produk /perkhidmatan | 2 |
| 2. Kos sara hidup pengguna meningkat | 2 |
| 3. Kuasa beli pengguna semakin rendah /merosot/ pengguna mengehadkan pembelian mengikut kemampuan | 2 |
| 4. Pengguna terpaksa menerima tekanan /bahang inflasi | 2 |
| 5. Mencetuskan situasi panik /kegusaran dalam kalangan pengguna / mengeluh /merungut | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

Semua pihak perlu bekerjasama untuk menangani kenaikan harga barang agar masyarakat /pengguna /rakyat dapat hidup sejahtera /bahagia.

(a) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	- Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	- Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan /tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum: 10 markah]

Soalan 2: Pemahaman

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang **sempurna/lengkap**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada **markah** yang **diperuntukkan** sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup /gramatis & tidak gramatis	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap /relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap /relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap /kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

(i) Maksud - menggunakan kebijaksanaan dan kuasa beli

- memakai /memiliki akal budi /kecerdikan dan kemampuan membeli barang-barang dll.)

2

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Punca-punca yang menentukan harga sesuatu barang di pasaran:

- peningkatan kos pengangkutan 1
- ditentukan oleh peniaga 1
- permintaan yang tinggi 1
- bekalan berkurangan 1
- persaingan antara peniaga 1

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Ciri-ciri pengguna yang bijak:

- fikir dahulu sebelum membeli 1
- tidak terpengaruh dengan pujukan iklan 1
- membandingkan harga dan kualiti produk yang ingin dibeli 1
- menyemak sama ada produk yang dibeli mempunyai waranti /jaminan 1
- memastikan produk menepati standard piawaian keselamatan 1
- membuat aduan sekiranya tidak berpuas hati dengan sesuatu produk / perkhidmatan 1
- melaporkan sebarang kegiatan penjual yang tidak bertanggungjawab / mencurigakan 1
- berbelanja secara berhemah /membeli barang mengikut keutamaan 1

[Maksimum: 4 markah]

2 (b) – Petikan Cerpen

(i) Sebab-sebab:

- Daneng merupakan harapan keluarganya 1
- Daneng dapat membantu keluarga dan kaumnya 1
- Daneng dapat membela keluarganya 1
- Daneng boleh mendapat pekerjaan yang baik /berjawatan tinggi /besar 1
- Daneng dapat menyekolahkan adik-adiknya 1
- Daneng seorang pelajar yang bijak 1
- kaumnya tidak banyak yang menjadi mahasiswa di universiti 1

[Maksimum: 3 markah]

(ii) Usaha-usaha:

- mendekati masyarakat pedalaman /bersemuka /menziarahi mereka 1
- menyampaikan ceramah kesedaran /motivasi 1
- mengadakan kelas bimbingan secara percuma 1
- bekerjasama melaksanakan program pendidikan dengan pihak tertentu/ Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) 1
- memperkenalkan tokoh-tokoh yang berasal dari pedalaman yang telah berjaya 1
- memberi insentif /ganjaran /hadiah galakan kepada pelajar-pelajar yang berjaya 1
- memberi cadangan untuk penambahan prasarana pendidikan 1
- mengesyorkan guru-guru cemerlang/ berpengalaman berpindah / berkhidmat ke kawasan pedalaman 1

[Maksimum: 3 markah]

(iii) **Satu** nilai dalam petikan:

- prihatin /ambil berat /cakna: Cikgu Jo mengambil berat soal pelajaran anak muridnya 1 + 1
- berhemah tinggi: Cikgu berhati-hati semasa memujuk Daneng agar tidak menyinggung perasaannya 1 + 1
- tanggungjawab: Cikgu Jo bertanggungjawab memujuk Daneng menyambung semula pelajarannya 1 + 1

[Maksimum: 2 markah]

Satu nilai dalam keseluruhan cerpen:

- hormat-menghormati: Daneng sangat menghormati gurunya 1 + 1
- merendah diri: Daneng tidak mahu Cikgu Jo memanggilnya dengan gelaran datuk 1 + 1
- kasih sayang: Daneng tidak sanggup meninggalkan keluarganya kerana sayang akan mereka 1 + 1
- kerajinan: Daneng rajin berusaha dalam kerjayanya 1 + 1
- ketabahan/kesabaran: Cikgu Jo tabah dalam usaha memujuk Daneng cinta akan alam sekitar: Daneng amat menyayangi /menghargai alam sekitar / tidak sanggup melihat hutan dinodai 1 + 1

[Maksimum: 2 markah]

2 (c) – Petikan Prosa Klasik

(i) Maksud:

- Laksamana sudah mati /tidak wujud dalam alam ini /sudah meninggal dunia

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Bukti-bukti:

- | | |
|--|---|
| - tidak menunjukkan kekesalan atas perbuatannya | 1 |
| - tidak takut mati | 1 |
| - sudah tahu bahawa dia akan mati di tangan Laksamana | 1 |
| - banyak orang Melayu mati di tangannya | 1 |
| - jika ingin berbuat jahat mestilah bersungguh-sungguh /sepala-pala jahat
jangan kepalang | 1 |
| - berharap namanya masyhur atas perbuatan jahat | 1 |

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Sebab:

- | | |
|--|---|
| - raja lambang kedaulatan negara/berdaulat | 1 |
| - dilarang oleh agama | 1 |
| - rakyat mungkin ditimpakan tulah /musibah /sumpahan | 1 |
| - salah di sisi undang-undang | 1 |
| - bertentangan dengan norma masyarakat | 1 |

[Maksimum: 3 markah]

2 (d) – Petikan Puisi

(i) Maksud:

- pergi /belayar ke hulu sungai menyongsong /melawan arus air yang turun 2

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Cara untuk mengubah nasib malang yang dialami oleh seseorang:

- perlu bekerja kuat /bersungguh-sungguh /kikis sikap malas / mestilah rajin /gigih 1
- perlu menjalani kursus / menambahkan pengetahuan 1
- mencari pengalaman baharu /berkongsi pengalaman orang lain 1
- belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya 1
- mencontohi mereka yang telah berjaya 1
- belajar daripada kesilapan /kelemahan diri yang lalu 1
- jangan banyak bersedih / jangan berputus asa /menyerahkan kalah 1
- berbincang dengan rakan atau keluarga 1

[Maksimum: 4 markah]

(iii) **Tiga** pengajaran dalam seloka.

- Kita hendaklah rajin berusaha untuk menyelesaikan masalah 1
- Kita hendaklah reda menerima apa-apa jua yang ditentukan oleh Allah 1
- Kita hendaklah bersabar menghadapi dugaan atau menerima nasib yang buruk 1
- Kita janganlah melakukan sesuatu perbuatan secara bodoh /yang sia-sia / kita hendaklah bertindak dengan menggunakan akal fikiran yang waras 1
- Kita hendaklah selalu yakin diri terhadap apa-apa yang kita lakukan / kita hendaklah berani menghadapi dugaan /tekanan hidup 1
- Kita janganlah membunuh sesama manusia /hendaklah menyayangi sesama manusia 1

[Maksimum: 3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3 (a) : 6 markah

Soalan 3 (b) : 6 markah

Soalan 3 (c) : 6 markah

Soalan 3 (d) : 6 markah

Soalan 3 (e) : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa / tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, **berikan 0 markah**
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan dipakai dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak $\frac{1}{2}$ **markah**.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

3 (a)

- (i) *berhemah*
 - berbudi pekerti (yang mulia)
- (ii) *berhemat*
 - berjimat, bercermat; berhati-hati, teliti.
- (iii) *mengelakkan*
 - menjauhkan atau menghindarkan diri daripada kena bahaya (tanggungjawab dll.), menjauhkan atau menyingkirkan sesuatu supaya jangan mengenai diri dll.
- (iv) *menggelakkan*
 - mentertawakan; mengetawakan; mengejek-ejek,
- (v) *tergamam*
 - menjadi gamam, terkejut dan tidak dapat berbuat apa-apa, terpegun
- (vi) *tergamak*
 - sampai hati, sanggup melakukan sesuatu, teragak, sampai hati

[Maksimum: 6 markah]

(b)

- (i) Sering dijemput menyampaikan ceramah dalam beberapa seminar antarabangsa beliau. 2
- (ii) Menelaah pelajarannya hingga larut malam pelajar yang bijak itu. *atau*
Menelaah pelajarannya pelajar yang bijak itu hingga larut malam. 2
- (iii) Ditenggelami banjir kilat sepuluh buah rumah di kampung itu. 2

[Maksimum: 6 markah]

3 (c)

- | | | | |
|-------|------------------|---|------------------------------|
| (i) | ibubapa | - | ibu bapa |
| | kecемelangan | - | kecemerlangan |
| (ii) | diwar-warkan | - | diuar-uarkan /diwara-warakan |
| | dibuktі | - | terbukti |
| (iii) | dilipat gandakan | - | dilipatgandakan |
| | menangangkan | - | menangani |

[Maksimum: 6 markah]

3 (d)

- | | | | |
|-------|-----------------------|---|----------------|
| (i) | Di antara | - | antara |
| | bilik | - | kelas |
| (ii) | dikemukakan oleh kamu | - | kamu kemukakan |
| | perbualan | - | perbincangan |
| (iii) | butir | - | biji |
| | di bangsal | - | di kedai |

[Maksimum: 6 markah]

3 (e)

- (i) Orang yang meminjamkan wang dengan mengenakan bunga yang sangat tinggi 2
- (ii) Orang yang dianggap hebat dan sangat diharapkan dapat membawa kemenangan dalam sesuatu perlawanan. 2
- (iii) Perasaan yang amat sedih atau kecewa /hati yang hancur kerana dukacita. 2

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4: Novel

Markah penuh **15 markah**

Perhatian bagi Soalan 4

1. Jawapan bagi 4 (a) mestilah berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
2. Jawapan bagi 4 (b) mestilah berdasarkan mana-mana dua novel yang dipelajari.
3. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna/lengkap.
4. Pemberian markah bahasa berdasarkan *impression*.
5. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.

Perhatian bagi (a)

- (i) Jawapan tepat dan merujuk peristiwa benar berdasarkan teks yang dipelajari.
- (ii) Pernyataan mestilah benar dan disokong dengan contoh yang tepat.
- (iii) Berikan **1 markah** bagi pernyataan yang benar.
- (iv) Berikan **1 markah** bagi huraian peristiwa yang tepat berkaitan novel yang dikaji.
- (v) Markah maksimum untuk isi **4 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **3 markah**.
- (vi) Markah maksimum **7 markah**:
 - Isi **4 markah**
 - Bahasa **3 markah**:

Nota:

3 m	-	Baik
2 m	-	Sederhana
1 m	-	Lemah
- (vii) Jawapan dalam bentuk poin, beri **2 markah** maksimum untuk bahasa.

Perhatian bagi (b)

- (i) Berikan **1 markah** bagi setiap pernyataan. (tanggungjawab dalam setiap novel)
- (ii) Berikan **2 markah** bagi huraian atau contoh.
- (iii) Huraian atau contoh tanpa pernyataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Markah maksimum untuk isi **6 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **2 markah**.

Soalan 4 (a):

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menunjukkan konflik yang dihadapi oleh mana-mana **satu** watak sampingan.

NOVEL DI HADAPAN PULAU

Dua peristiwa yang menunjukkan konflik yang dihadapi watak sampingan.

Afidah

1. Konflik kehilangan kasih sayang ibu bapa

Contoh ; Afidah menumpang kasih sayang dan duduk bersama-sama dengan datuknya Tuk Marzuki.

2. Konflik kekurangan makanan

Contoh : Afidah mencari makanan pada waktu malam di kubu lama bersama-sama Aziz dan mengambil upah membeli todi.

3. Konflik kehilangan datuk

Contoh : Afidah menangis kerana Tuk Marzuki mati terkena bom di shelter dan meratapi kubur Tuk Marzuki ketika melalui kubur tersebut dan dipujuk oleh Aziz.

Tuk Marzuki

1. Konflik dengan cucu

Contoh : Tuk Marzuki risau tentang kehidupan Afidah pada masa depan dan dia menjaga Afidah yang telah ditinggalkan kedua-dua ibu bapanya.

2. Konflik kekurangan makanan

Contoh : Tuk Marzuki pergi ke Merlimau untuk mendapatkan bekalan beras.

3. Konflik dalam perperagan

Contoh : Tuk Marzuki terpaksa membina shelter bersama-sama penduduk kampung dan terpaksa menyelamatkan diri ke shelter apabila bunyi siren walau bagaimanapun dia mati terkena bom di shelter.

4. Konflik dengan kanak-kanak

Contoh : Tuk Marzuki terpaksa menipu untuk membawa Aziz ke pulau untuk memujuknya supaya tidak menangis dan bersedih.

Syed Fikri

1. Konflik dengan saudara

Contoh : Syed Fikri menegur sepupunya Syed Zuhri supaya tidak melakukan penipuan dalam perniagaan kepada orang kampung.

2. Konflik menghadapi peperangan

Contoh : Syed Fikri terpaksa menurut kehendak musuh menjadi buruh tetapi dia telah dibebaskan

3. Konflik mencari rezeki

Contoh : Syed Fikri berhenti menjual minyak atar dan batu akik, dan terpaksa bercucuk tanam untuk mencari rezeki, serta mendapatkan bekalan makanan.

4. Konflik dengan kanak-kanak

Contoh : Syed Fikri selalu menasihati Aziz dan kawan-kawannya supaya belajar mengaji dan mengerjakan sembahyang.

PUTERA GUNUNG TAHAN

Perempuan Tua

1. Konflik dengan musuh

Contoh : Perempuan Tua terpaksa melarikan diri ke hutan kerana benci kepada penjajah Inggeris.

2. Konflik ketika mengandung

Contoh : Perempuan Tua terpaksa tinggal sendirian di hutan ketika sedang sarat mengandung kerana ditinggalkan oleh rakan-rakannya.

3. Konflik dalam agama

Contoh : Perempuan Tua mengajar agama Islam kepada orang sakai dan mempertahankan kesucian agama Islam daripada dihina Tuan Robert.

4. Konflik mempertahankan harta

Contoh : Perempuan Tua tidak mahu menjual kulit harimau putih kepada Tuan Robert walaupun diberi ganjaran yang lumayan.

5. Konflik menghadapi hinaan

Contoh : Perempuan Tua mengenakan cenuai kepada Tuan Robert supaya tergil-gilkakan gadis sakai kerana marah apabila Tuan Robert menghina budaya orang Melayu dan orang sakai.

Tuan Robert

1. Konflik mencari rezeki

Contoh : Tuan Robert pergi ke puncak Gunung Tahan untuk mendapatkan tempat peranginan bagi mendapatkan ganjaran walaupun terpaksa menghadapi berbagai-bagai rintangan.

2. Konflik dengan budaya

Contoh : Tuan Robert telah dilantik sebagai Batin Putih kepada orang sakai walaupun dia tidak suka kerana tujuannya ialah untuk mencari wang

3. Konflik apabila jatuh cinta

Contoh : Tuan Robert yang telah terkena cenuai tergilakkan gadis sakai dan terpaksa berlari mengelilingi busut jantan mengejar gadis sakai untuk mengahwininya tetapi gagal.

4. Konflik kerana menjadi orang tawanan

Contoh : Tuan Robert ditangkap oleh orang sakai dan tidak berjaya melepaskan diri daripada menjadi orang tawanan.

Tuan William

1. Konflik kehilangan kawan

Contoh : Tuan William terpaksa keluar mencari rakannya Tuan Robert yang telah hilang dan tinggal keseorangan setelah kawannya mati

2. Konflik meneruskan misi pemerintah Inggeris

Contoh : Tuan William terpaksa meneruskan misi mencari pusat peranginan di puncak Gunung Tahan seorang diri dengan menghadapi pelbagai rintangan.

3. Konflik dengan isteri

Contoh : Tuan William sedih apabila melihat isterinya bercumbu-cumbuan dengan pemuda lain setelah ketiadaannya.

4. Konflik ketika terperangkap di dalam istana

Contoh : Tuan William menghadapi konflik ketika terperangkap di dalam istana dan terpaksa menghadapi serangan kapal terbang yang diundangnya sendiri.

- 4 (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, bandingkan persoalan kerjasama setiap novel.

NOVEL DI HADAPAN PULAU

1. Kerjasama dengan pelbagai bangsa

Contoh ; Aziz dan Syed Fikri sentiasa saling membantu iaitu Syed Fikri sering memberi nasihat kepada Aziz dan Aziz membantu Syed Fikri bercucuk tanam.

2. Kerjasama dengan penduduk kampung

Contoh : Tuk Marzuki dan penduduk kampung bersama-sama membina shelter untuk dijadikan tempat perlindungan ketika diserang.

3. Kerjasama dengan musuh

Contoh : Soejono dan Tuk Marzuki terpaksa membantu pihak musuh dengan menjadi buruh paksa walaupun telah tua

4. Kerjasama dengan rakan

Contoh : Afidah dan Aziz bersama-sama mencari makanan pada waktu malam di kubu lama kerana bekalan makanan sudah tiada.

5. Kerjasama dengan kanak-kanak

Contoh : Tuk Marzuki sedia membantu Aziz untuk pergi ke pulau yang dikatakan terdapat orang Jakun dan orang bertapa.

PUTERA GUNUNG TAHAN

1. Kerjasama dengan tetamu

Contoh : Ratu Bongsu membantu Tuan William untuk melihat isterinya di London dengan meminjamkan teropong terus dan menggunakan akar pohon beringin bercakap untuk mendengar percakapan Mem William.

2. Kerjasama mempertahankan negara

Contoh : Mat Gajah , Mat Kilau dan Datuk Bahaman bersama-sama menentang penjajah Inggeris untuk mempertahankan neegeri Pahang.

3. Kerjasama menuntut ilmu

Contoh: Perempuan Tuan mengajar agama Islam dan budaya orang Melayu kepada orang sakai dan orang sakai mengajar budayanya dan ilmu cenuai kepada Perempuan Tua.

4. Kerjasama mencari rezeki

Contoh : Tuan Robert dan Tuan William bersama-sama mencari tempat peranginan di puncak Gunung Tahan untuk mendapatkan ganjaran walaupun pelbagai halangan terpaksa dihadapi mereka.

5. Kerjasama antara makhluk

Contoh : Ratu Bongsu dan orang bunyian, iaitu makhluk lain saling bekerjasama .

6. Kerjasama dalam perkahwinan

Contoh : Perempuan Tua membantu Tuan Robert melamar gadis Sakai supaya dia dapat berkahwin / perempuan-perempuan bunyian melamar Mem William yang telah kematian suami untuk Ratu Bongsu

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT